





PRESTASI PERDAGANGAN BORONG & RUNCIT, OKTOBER 2024

Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit
(RM bilion)




Indeks Volum




Indeks Volum Pelarasan
Bermusim Oktober 2024: -0.01%


Nilai Jualan Perdagangan Borong
(RM bilion)



Nilai Jualan Perdagangan Runcit
(RM bilion)



Nilai Jualan Kenderaan Bermotor
(RM bilion)



KUMPULAN UTAMA (NILAI JUALAN)

Perdagangan Borong



Perdagangan Runcit




Kenderaan Bermotor



Percentage change: Year-on-Year

Prestasi Nilai Jualan dan Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

Nilai Jualan
(RM bilion)



Perdagangan borong & runcit mencecah kepada RM150 bilion pada Oktober, dirangsang oleh aktiviti pelancongan dan sambutan perayaan

- Sektor Perdagangan borong & runcit Malaysia melakarkan rekod baharu pada Oktober 2024 apabila mencatatkan nilai jualan **RM150.1 bilion**, dengan peningkatan **5.5 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun lepas. Pertumbuhan ini melebihi **5.0 peratus** kenaikan pada bulan September, memberi isyarat akan daya tahan sektor itu dalam persekitaran ekonomi yang stabil.
- Lonjakan dalam jualan didorong oleh prestasi kukuh merentas subsektor Perdagangan runcit, Perdagangan borong dan Kenderaan bermotor. Perdagangan runcit mendahului carta, meningkat sebanyak **7.1 peratus** kepada **RM64.9 bilion**, manakala Perdagangan borong menyumbang **RM66.3 bilion**, dengan kenaikan **4.8 peratus**. Subsektor Kenderaan bermotor juga menunjukkan tanda-tanda pemulihan yang positif, dengan pertumbuhan **2.7 peratus** kepada **RM18.9 bilion**.
- Perdagangan runcit telah menunjukkan daya tahan yang luar biasa, didorong oleh pertumbuhan menyeluruh merentas segmennya. Jualan runcit di kedai bukan pengkhususan meningkat sebanyak **8.5 peratus**, manakala Jualan runcit makanan, minuman & tembakau melonjak sebanyak **9.0 peratus**, menterjemah perbelanjaan pengguna yang kukuh semasa musim perayaan. Angka pertumbuhan Oktober juga dipengaruhi oleh faktor bermusim, seperti sambutan Deepavali, cuti sekolah dan penganjuran acara seperti siri jelajah jualan Mega Agro Madani, yang menyumbang kepada peningkatan trafik dan jualan, memberi suntikan positif kepada pertumbuhan Perdagangan runcit.
- Perdagangan borong turut menunjukkan prestasi yang kukuh, dengan kenaikan ketara daripada Jualan borong makanan, minuman & tembakau, naik **8.9 peratus**, di samping perolehan dalam Jualan borong jentera, peralatan & bekalan (naik **8.3%**) dan Jualan borong bahan mentah, pertanian dan haiwan hidup (naik **7.9%**). Subsektor Perdagangan borong terus menjadi tunjang ekonomi, didorong oleh peningkatan permintaan untuk barangan keperluan dan barangan bernilai tinggi.
- Subsektor Kenderaan bermotor menunjukkan pertumbuhan kukuh merentasi pelbagai segmen. Khususnya Jualan, penyelenggaraan & pembaikan motosikal mencapai pertumbuhan impresif **20.7 peratus** tahun ke tahun. Selain itu, Jualan alat ganti & aksesori kenderaan bermotor dan Penyelenggaraan & pembaikan kenderaan bermotor mencatatkan peningkatan ketara, masing-masing meningkat **9.8 peratus** dan **9.3 peratus**. Prestasi kukuh ini didorong oleh peningkatan aktiviti pengguna pada musim cuti sekolah, cuti umum yang dilanjutkan dan musim perayaan.

Dikeluarkan oleh: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



@StatsMalaysia



BANI 2024
PERTANIAN
KUNCI KEMAJUAN PERTANIAN



MALAYSIA
MADANI



- Jualan runcit melalaui internet meneruskan momentum positif pada bulan Oktober, dengan indeks jualan runcit naik **5.1 peratus** tahun ke tahun, meningkat daripada **3.0 peratus** pada September. Bagi indeks pelarasan musim, ia menyaksikan peningkatan **0.5 peratus** bulan ke bulan, mencerminkan permintaan yang mampan dalam pasaran digital.
- Indeks volum Perdagangan borong & runcit, yang diselaraskan untuk perubahan harga, juga meningkat sebanyak **5.1 peratus** berbanding tahun sebelumnya. Perdagangan borong mendahului dengan kenaikan **6.1 peratus**, diikuti oleh Perdagangan runcit dengan **5.0 peratus**. Bagaimanapun, indeks volum pelarasan musim menunjukkan penurunan kecil **0.01 peratus** berbanding bulan sebelumnya, yang menunjukkan berlaku sedikit peralihan di dalam pasaran semasa.
- Sektor Perdagangan borong & runcit dilihat akan terus memainkan peranan penting dalam ekonomi Malaysia, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan persekitaran ekonomi yang menggalakkan. Prestasi mantap sektor Perdagangan borong & runcit mencerminkan kekuatan ekonomi Malaysia.

